



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 20/2026

URUSAN PENAMAAN CALON
PILIHAN RAYA UMUM (PRU)
DEWAN NEGERI JOHOR KE-16

1. Hari ini telah dijalankan proses penamaan calon bagi Pilihan Raya Umum (PRU) **Dewan Negeri Johor Ke-16** di **56 Pusat Penamaan Calon (PPC)** seluruh Negeri Johor Darul Takzim.
2. Selepas tempoh penyerahan kertas penamaan calon ditutup pada pukul **10:00 pagi**, seramai **172 calon** mewakili pelbagai parti disahkan bertanding dalam **PRU Dewan Negeri Johor Ke-16**.
3. SPR telah menerima dan mengesahkan sebanyak **172 Kertas Penamaan** yang layak bertanding bagi **Dewan Negeri Johor Ke-16** daripada pihak-pihak seperti berikut:

BIL.	PARTI	JUMLAH
1.	BARISAN NASIONAL (BN)	56
2.	PAKATAN HARAPAN (PH)	56

BIL.	PARTI	JUMLAH
3.	PERIKATAN NASIONAL (PN)	33
4.	PARTI BERSAMA MALAYSIA (BERSAMA)	15
5.	IKATAN DEMOKRATIK MALAYSIA (MUDA)	4
6.	PARTI ORANG ASLI MALAYSIA (ASLI)	1
7.	PARTI SOSIALIS MALAYSIA (PSM)	1
8.	BEBAS	6
JUMLAH		172

TIADA PENCALONAN YANG DITOLAK

4. Pertandingan Mengikut Penjuru

Secara keseluruhannya, **bilangan pertandingan mengikut penjuru** adalah seperti berikut:

BIL.	PENJURU	BILANGAN DUN
1.	2 penjuru	14
2.	3 penjuru	27
3.	4 penjuru	12
4.	5 penjuru	3

5. **Calon Yang Bertanding Mengikut Jantina**

Bilangan **calon yang bertanding mengikut jantina** adalah seperti berikut:

BIL	JANTINA	JUMLAH
1.	Lelaki	138
2.	Wanita	34

6. **Calon Yang Bertanding Berdasarkan Umur**

(i) Bilangan **calon yang bertanding berdasarkan julat umur** adalah seperti berikut:

BIL	JULAT UMUR	BILANGAN CALON
1.	21 - 29	9
2.	30 - 39	38
3.	40 - 49	50
4.	50 - 59	48
5.	≥ 60	27

- (ii) Umur **calon tertua dan calon termuda yang bertanding** adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	UMUR CALON
1.	Umur Calon Tertua DUN N.45 STULANG (PERIKATAN NASIONAL (PN))	73 tahun
2.	Umur Calon Termuda DUN N.37 JOHOR LAMA (PAKATAN HARAPAN (PH))	23 tahun

7. **Tempoh Rasmi Berkempen**

Tempoh berkempen bermula selepas pengisytiharan pilihan raya dipertandingkan pada hari penamaan oleh pegawai pengurus sehingga jam **11.59 malam, 10 Julai 2026 (Jumaat)**.

8. SPR telah menubuhkan **56 Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** untuk memantau semua aktiviti calon bertanding ketika berkempen.
9. Untuk makluman, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor telah mengaktifkan **lima (5) Bilik Gerakan** yang beroperasi **24 jam sehari** sepanjang tempoh PRU Dewan Negeri Johor Ke-16 bermula dari **27 Jun 2026 (Sabtu) sehingga 12 Julai 2026 (Sabtu)**. Bilik Gerakan tersebut beroperasi di **Pejabat SPRM Johor Bahru (07-2316170 / 011-61349460), Pejabat SPRM**

Cawangan Batu Pahat (07-4321982), Pejabat SPRM Cawangan Kluang (07-7714610 / 018-7101040), Pejabat SPRM Cawangan Segamat (07-9317982) dan Pejabat SPRM Cawangan Mersing (07-7994400). Sebarang aduan berkaitan rasuah dan salah guna kuasa sepanjang tempoh berkempen juga boleh disalurkan menerusi e-mel di aduan.prnjohor2026@sprm.gov.my.

10. Calon-calon hendaklah membayar **deposit bahan kempen pilihan raya** serta tertakluk kepada undang-undang kecil mana-mana pihak berkuasa tempatan bagi tujuan **mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya** yang mengandungi **gambar calon, lambang / simbol parti dan gambar pemimpin parti** yang diwakilinya.
11. Bahan kempen yang boleh digunakan seperti iklan, surat sebaran, pelekat dan poster **hendaklah mengandungi nama dan alamat pencetak dan penerbitnya KECUALI** bendera, poster simbol parti dan gambar pemimpin parti atau calon yang bertanding.
12. Bahan kempen yang mengandungi perkataan-perkataan yang boleh **mengembangkan perasaan jahat, berunsur perkauman dan menyentuh sensitiviti keagamaan atau hasutan yang boleh mendatangkan permusuhan adalah TIDAK DIBENARKAN.**
13. SPR juga berharap agar aktiviti berkempen yang dibenarkan akan berjalan dalam suasana yang penuh harmoni serta mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

14. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan lancar pada hari ini.
15. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Johor serta Jabatan dan Agensi di bawahnya, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara, Jabatan Insolvency Malaysia, petugas media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

27 Jun 2026 /11 Muharam 1448H